

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI  
[ SETIAWANGSA ]**

**TARIKH : 11.6.2015**

**SOALAN :**

**Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan di manakah institusi pengajian tinggi yang bakal menempatkan pelajar-pelajar dari Yaman yang telah dibawa pulang ke tanah air. Ini berikutan daripada kenyataan pihak Kementerian yang mengatakan pelajar-pelajar tersebut boleh menyambung pengajian mereka di Malaysia

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat hebahan melalui laman sesawang rasmi KPM bagi pelajar Malaysia yang terlibat dalam evakuasi Yaman dan berminat untuk menyambung pengajian mereka di Malaysia. Bagi pelajar di peringkat pendidikan tinggi, KPM akan membantu menyelaras permohonan mereka dengan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) bagi bidang-bidang yang berkaitan. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut adalah tertakluk kepada syarat kelayakan akademik yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan prosedur kemasukan yang ditetapkan oleh IPTS. Manakala, bagi pelajar-pelajar di

bawah umur 17 tahun dan tidak mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia setara dan ke atas, mereka boleh memohon untuk memasuki sekolah kerajaan seperti sekolah harian dan sekolah menengah kebangsaan agama dengan terus menghubungi Jabatan Pendidikan Negeri. Bagi permohonan ke sekolah agama bantuan kerajaan, mereka boleh menghubungi Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) atau pihak berkuasa agama negeri bagi meneruskan pengajian mereka di sekolah.

RJM81